



**UNIT PERUMAHAN
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

Rujukan : SUKNS.700-9/11/8 Jld 2 (10)

Tarikh : 30 hb Januari 2018

KENYATAAN SEBUT HARGA UNIT PERUMAHAN

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **CIDB MALAYSIA** dalam **Gred G2** dalam kategori pengkhususan **CE01 DAN CE06 yang masih sah laku** dibenarkan memenuhi tawaran ini bagi melaksanakan kerja-kerja berikut :

UP 4 / 2018 Kerja-Kerja Mengganti Longkang Yang Rosak Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di RAHR Halacara Baru, Gemas, Negeri Sembilan.

2. Penender yang berminat hendaklah hadir ke **Dewan orang Ramai RAHR Halacara Baru, Gemas, Negeri Sembilan** untuk taklimat (**Wajib**) pada **6 Februari 2018 (Selasa)** jam **11.00 pagi**. **Sila bawa bersama sijil-sijil ASAL seperti yang dinyatakan di perenggan 1. Wakil TIDAK DIBENARKAN hadir ke sesi taklimat tersebut.** Penender hendaklah membawa bersama **COP SYARIKAT** semasa hadir untuk taklimat dan lawatan tapak tersebut.
3. Dokumen akan mula dijual pada **6 Februari 2018 (Selasa)** iaitu pada pukul **3.00 petang**. Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (**CIDB**) yang **ASAL** dan masih sah hendaklah ditunjukkan semasa mendapatkan dokumen Sebut Harga. Sebut Harga tidak akan diberikan kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil tersebut. Dokumen tidak akan dijual sebelum tarikh ini. Segala butiran dan dokumen boleh didapati semasa waktu pejabat seperti berikut:-

HARI	WAKTU
ISNIN – KHAMIS	8.30 pagi – 12.30 tengahari
	2.15 petang – 4.30 petang
JUMAAT	8.30 pagi - 12.00 tengahari
	2.45 petang - 4.30 petang

4. Sebutharga akan ditutup pada **13 Februari 2018 (Selasa)** jam **12.00 tengahari**. Semua borang sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga, Unit Perumahan (UP), Tingkat 4, Blok D, Wisma Negeri, Jalan Dato' Abdul Kadir, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus**. Dokumen yang dihantar selepas jam 12.00 tengahari, tidak akan diterima.
5. Bayaran sebanyak **RM 50.00** boleh dibuat secara **TUNAI / ~~WANG POS / WANG KIRIMAN POS / DERAJ BANK~~** bagi pembelian setiap dokumen dan hendaklah dibayar di atas nama Bendahari Negeri, Negeri Sembilan.


(MOHD FAZLI BIN ABD JALIL)

Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan
Unit Perumahan